

Perkhidmatan Feri Pulau Pinang akan dikekalkan

Georgetown: Menteri Pengangkutan, Anthony Loke memberi komitmen bahawa perkhidmatan Feri Pulau Pinang yang juga ikon negeri itu akan dikekalkan.

Beliau berkata, pihaknya sedang melihat untuk menambah baik perkhidmatannya, termasuk pelan memperkenalkan bot pelancongan jenis Catamaran, selain menaik-taraf terminal feri sedia ada tetapi tiada keputusan mutlak dibuat.

"Kami melihat bahawa servis feri Pulau Pinang yang menjadi ikon negeri ini mesti dikekalkan.

"Ia antara yang ditegaskan pihak kerajaan negeri dan kami mahu melihat ia diteruskan dan ditambah baik," katanya.

Pada 1 Mei, Prasarana melalui anak syarikatnya, Rapid Ferry Sdn Bhd, mengambil alih operasi feri yang sering mencatatkan kerugian daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

LRT bukan pilihan terbaik

Perkhidmatan feri sedia ada dikendalikan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) sejak 1 Januari 1994.

Rapid Ferry sebagai operator baru akan mengambil alih semua hartanah dimiliki PPC di Terminal Feri Sultan Abdul Halim (Butterworth) dan Terminal Feri Raja Tun Uda (Georgetown) melalui perjanjian sewa.

Loke juga menjelaskan, pengangkutan Transit Aliran Ringan (LRT) di Pulau Pinang bukan pilihan yang sesuai.

Beliau berkata, ia adalah hasil penyelidikan yang dibuat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang dimansuhkan baru-baru ini.

"Kajian SPAD menunjukkan LRT bukan pilihan baik di negeri ini. Mungkin tram atau bentuk pengangkutan lain.

"Saya juga sudah menyuruh pihak tertinggi SPAD untuk memberi penjelasan terperinci mengenai perkara itu kepada Ketua Menteri. Satu mesyuarat akan diadakan secepat mungkin," katanya.

Tidak beri persetujuan

Beliau berada di Pulau Pinang bagi menyaksikan perjanjian usaha sama membangunkan Terminal Pelabuhan Sweetenham di antara PPSB dan RCL Development Holdings (Penang) Sdn Bhd.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.

Ditanya sama ada negeri ini memerlukan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) atau cukup dengan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedia ada, Loke berkata, pihaknya masih belum membuat sebarang keputusan.

"Kami tidak memberi sebarang persetujuan kepada AirAsia untuk pembinaan LCCT.

"Kami juga tidak membuat sebarang keputusan samada untuk mempunyai satu terminal atau diasingkan. Namun, apa yang pasti, PIA akan dibesarkan bagi menampung penambahan penumpang di situ," katanya.

Sementara itu, Kon Yeow berkata, kerajaan negeri mengambil maklum apa yang akan diterangkan pihak SPAD nanti.